

2 beradik kembar dirai UTHM sambut Aidilfitri

[FOTO ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN/BH]



Penghuni Rumah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam Kluang mencuba baju raya yang dipilih untuk persiapan menyambut hari raya pada Program Projek Baju Raya di Pasaraya Mydin Kulai, semalam.

Kulai: Dua beradik kembar antara 56 penghuni Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam Kluang (PKAYIK) yang teruja apabila diraikan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) membuat persiapan menyambut Aidilfitri menerusi Projek Baju Raya.

Shazwan Shahrom dan Shazman Shahrom, masing-masing berusia 17 tahun, tidak menyangka dipilih bersama-sama dalam program berkenaan selain berasa teruja dan gembira diraikan bagi menyambut Aidilfitri tahun ini.

Shazwan berkata, mereka yang baru menghuni di PKAYIK tahun ini, gembira apabila dapat bersama dengan penghuni lain membeli pakaian dan kelengkapan menyambut Aidilfitri.

"Kami baru memasuki (mendaf-tar) dan duduk di asrama PKAYIK pada tahun ini, sebelum ini kami tinggal di rumah bersama ibu, Zaharah Selamat dan berulang alik ke Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam Bandar Tenggara di sini.

"Ini adalah tahun pertama bersama PKAYIK dan kami mahu merasakan suasana tinggal di asrama, tidak pula menyangka dipilih UTHM dalam Projek Baju Raya,"

katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Projek Baju Raya adalah program julung kali, anjuran pelajar Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan UTHM bagi membantu anak yatim membeli kelengkapan menyambut Aidilfitri.

Sumbangan pelbagai pihak

Sementara itu, pengarah projek terbabit, Riska Mustaqim Marzuki, berkata dana yang dikumpul bagi menjayakan program itu adalah menerusi sumbangan dan tajaan syarikat serta wakil rakyat selain penganjuran jualan amal khas dua minggu lalu.

"Semua anak yatim-dari PKAYIK dibawa ke pusat beli-belah Mydin di Kulai untuk dan membeli apa juga kelengkapan menyambut Aidilfitri tanpa had.

"Pihak Mydin juga menyediakan kaunter khas untuk anak yatim ini membuat bayaran dan konsep ini adalah lebih seperti 'family trip' bersama penghuni PKAYIK," katanya.

Riska Mustaqim berkata, pelajar fakulti itu juga terbabit menganjurkan kutipan derma dari seluruh warga UTHM.